

RABU • 12.09.2018

# ALAM AKADEMI

UMP terima pelajar baharu sesi 2018/2019

## 3,217 siswa lafaz ikrar

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH  
utusanktn@utusan.com.my

■ KUANTAN 11 SEPT.

**S**ERAMAI 3,217 mahasiswa baharu Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan diploma bagi sesi 2018/2019 melafazkan ikrar di hadapan barisan pengurusan universiti itu dalam Majlis Amanat Naib Canselor dan Lafaz Ikrar di Kompleks Sukan UMP Gambang, dekat sini baru-baru ini.

Lafaz ikrar untuk mematuhi Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dan berjanji tidak mensia-siakan peluang diperoleh sebagai mahasiswa itu diketua penuntut Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli UMP, Ungku Ahmad Hussein Ungku Fadzil.



**Alam kampus akan banyak mengajar mahasiswa untuk bijaksana dalam membuat keputusan dan bersedia mendepani perkara yang tidak diduga.”**

**DAING NASIR IBRAHIM**

Naib Canselor UMP

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pada tahun ini, seramai 23,279 calon memilih UMP sebagai tempat menyambung pengajian dalam permohonan Unit Pusat Universiti (UPU) bagi program

Sarjana Muda yang mana program paling popular ialah Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam.

“Lebih membanggakan, sebahagian siswa iaitu seramai 1,243 orang yang ditawarkan ke program sarjana muda merupakan mereka yang memperoleh Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) sekurang-kurangnya 3.0 di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, matrikulasi dan setaraf,” katanya pada majlis itu.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMP, Prof. Datuk Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.

Yang hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Prof. Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin, Ketua Pegawai Operasi universiti itu, Abd. Hamid Majid yang juga Pendaf-

tar UMP dan barisan dekan serta ketua jabatannya.

Daing Nasir menasihatkan mahasiswa supaya mengambil peluang belajar di institusi pengajian tinggi berkenaan sebanyak mungkin kerana penuntut yang cemerlang tidak hanya hebat di dewan kuliah malah cergas dalam pelbagai aktiviti kokurikulum.

Selain itu, kata beliau, sebagai mahasiswa yang cemerlang perlu bijaksana dalam pengurusan masa.

“Alam kampus akan banyak mengajar mahasiswa untuk bijaksana dalam membuat keputusan dan bersedia mendepani perkara yang tidak diduga.”

“Sifat kepemimpinan juga perlu bermula dengan keupayaan memimpin diri terlebih dahulu agar menjadi inspirasi kepada orang lain,” katanya.



SEBAHAGIAN daripada mahasiswa baharu melafazkan ikrar dalam Majlis Amanat Naib Canselor dan Ikrar Mahasiswa sempena Minggu Induksi Siswa di Kompleks Sukan UMP, Gambang, Kuantan, baru-baru ini.